

25 FEB 1998

Mahathir-Syarikat

BUKAN BUMIPUTERA BOLEH BELI SAHAM SYARIKAT BUMIPUTERA LANGKAH SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Cadangan kerajaan membenarkan bukan Bumiputera membeli saham syarikat yang dimiliki Bumiputera adalah untuk tempoh sementara bagi kes-kes tertentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata langkah itu terpaksa diambil bagi membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah.

Ketika ditanya sama ada keputusan itu bermakna rakyat Malaysia akan menikmati status ekonomi yang sama rata, Dr Mahathir berkata: "Tidaklah begitu tetapi kita sedang menghadapi masalah. Lebih baiklah kita selamatkan sesuatu daripada membiarkannya hancur sama-sekali."

Keputusan itu juga tidak memberi kesan yang banyak kepada pegangan ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara ini, kata beliau ketika ditanya pemberita selepas majlis jamuan makan tengah hari sempena Tahun Baru Cina dengan anggota kabinet di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.

"Kita memberi penekanan selalunya tentang kuantiti. Tetapi seperti yang saya kata, banyak syarikat bukan bumiputera sekarang ini dimiliki oleh bumiputera walaupun namanya masih terus bukan bumiputera, macam beberapa bank yang dulunya milik bukan bumiputera sekarang ini dimiliki oleh bumiputera dan syarikat pembinaan yang besar-besar milik bumiputera," katanya.

Ini bermakna tidak ada perubahan dalam jumlah ekuiti bumiputera dan bukan bumiputera, katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah itu juga selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang memberi keutamaan kepada soal mutu penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi dan bukannya kuantiti.

Ketika ditanya mengenai bilangan syarikat yang dijangka terlibat dengan keputusan itu, beliau berkata: "Saya tak berani kata tapi kita nak jaga supaya (syarikat-syarikat) itu terselamat. Kalau tidak mereka akan menghadapi masalah besar.

"Kalau kita tak benar (bukan bumiputera membeli saham syarikat-syarikat bumiputera) mereka (syarikat bumiputera) akan menghadapi masalah, tak dapat bayar hutang dan sebagainya," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata bukan kesemua saham syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah itu dibenarkan dijual kepada bukan bumiputera.

"Kebanyakannya majoriti bumiputera dikekalkan, tapi kita benar dalam kes-kes tertentu," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah itu masih merupakan keputusan umum dan kerajaan sedang meneliti garis panduan mengenainya.

Ketika ditanya sama ada syarikat-syarikat asing juga akan dibenarkan membeli saham syarikat-syarikat bumiputera, Dr Mahathir berkata: "Yang itu kita belum putuskan lagi."

Mengenai cadangan beberapa pihak sebelum ini, terutama di kalangan anggota Umno, supaya Permodalan Nasional Berhad (PNB) dibenarkan membeli saham syarikat-syarikat bumiputera yang menghadapi masalah, Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan membenarkan PNB membelinya, keupayaan agensi pelaburan bumiputera itu adalah terhad.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak menolak kemungkinan langkah itu (membenarkan bukan bumiputera membeli saham syarikat bumiputera) akan mendapat bantahan terutama daripada kalangan anggota Umno sendiri.

"Akan timbul sungutan nanti, tapi kita boleh tunjuk sebenarnya

bumiputera sekarang banyak membeli hartanah bukan bumiputera, syarikat bukan bumiputera, bank bukan bumiputera -- semua milik bumiputera sekarang ini," katanya.

Ketika ditanya tidakkah kerajaan bimbang langkah itu mungkin mewujudkan rasa tidak puas hati antara kaum, Perdana Menteri berkata beliau tidak menjangka masalah itu akan berlaku kecuali jika media cuba mengapi-apikannya.

"Jadi media mestilah memainkan peranannya di sini dan mesti memberi penerangan sepenuhnya mengenai perkara ini. Sesiapa sahaja boleh membangkitkan perasaan itu (tidak puas hati antara kaum)," katanya. --  
BERNAMA

AH HS SHO NMO